

Syor tubuh badan pantau menteri

UM 26 DEC 1999

Oleh
NORAINI ABDUL RAZAK

KUALA LUMPUR 25 Dis. — Sebuah jawatankuasa pemantauan etika kerja menteri perlu ditubuhkan bagi mengawasi tindak-tanduk semua menteri agar selaras dengan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang mencadangkan perkara itu menegaskan, jawatankuasa itu perlu ekoran ingatan Perdana Menteri supaya semua menteri menunjukkan kepimpinan melalui teladan.

Kedua-dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu turut menggesa Perdana Menteri supaya memberi kata dua kepada menteri sama ada ingin terus berkhidmat dalam kerajaan atau meletakkan jawatan, jika mereka ingin menceburi kegiatan lain.

Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak, berkata dengan adanya jawatankuasa seumpama itu, semua menteri akan lebih berhati-hati dalam tindak-tanduk mereka.

“Peringatan Perdana Menteri itu tepat pada masanya kerana semua menteri

perlu disedarkan mengenai tanggungjawab mereka untuk berkhidmat di negara ini dan bukannya menggunakan kedudukan masing-masing untuk faedah sendiri,” katanya.

Menurut Zainal, pilihan raya umum baru-baru ini sepatutnya memberi pengajaran yang cukup kepada semua menteri bahawa rakyat semakin matang dan bijak memilih pemimpin yang diinginkan.

Katanya, sebagai pemimpin yang diberi mandat melaksanakan tugas membangunkan negara, menteri tidak sepatutnya mencampuradukkan kepentingan peribadi dengan agenda memajukan tanah air.

“Adalah tidak adil bagi menteri-menteri yang diba-

yar elaun dan gaji yang tinggi menggunakan duit rakyat menggunakan kedudukan mereka untuk tujuan selain dari yang diamahankan,” katanya.

Beliau diminta mengulas arahan Perdana Menteri kepada semua menteri pada mesyuarat kabinet 15 Disember lalu membabitkan etika yang mesti dipatuhi menteri.

Arahan tersebut antara lain tidak boleh mempunyai kepentingan dalam perniagaan milik kaum keluarga dan menjawat sebarang jawatan dalam perniagaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mengumumkan perkara itu berkata, arahan itu bertujuan mengelakkan tangga-

pan bahawa menteri hanya pandai menyuruh pegawai mengamal etika yang baik sedangkan mereka sendiri melakukan sebaliknya.

Sementara itu, Presiden MBM, Saifuddin Abdullah berkata, keberkesanan Majlis Penasihat Belia Negara menasihatkan Kementerian Belia dan Sukan boleh dijadikan titik tolak penubuhan jawatankuasa pemantauan itu.

Katanya, peranan NGO dan suara rakyat mampu membantu kerajaan mengatasi beberapa masalah terutama yang melibatkan etika kerja menteri.

“Pelantikan wakil rakyat ke jawatan menteri adalah ekoran kepercayaan rakyat terhadap mereka, oleh itu setiap tindak-tanduk mereka pasti menjadi perhatian rakyat,” katanya.

Mengulas lanjut Saifuddin berkata, setiap menteri perlu memandang serius arahan Perdana Menteri itu dan jika selepas beberapa ‘waktu’ mereka masih gagal mematuhi, kata dua kepada pemimpin yang berkenaan perlu diberi.

Katanya, setiap menteri terutamanya yang telah lama dalam kabinet perlu segera mematuhi arahan itu kerana mereka telah diberi masa yang cukup sama ada untuk terus berkhidmat atau sebaliknya.